

4 Disember 2009 (Jumaat)

Utara: Tanah bendang diambil KDN

Oleh Adha Ghazali adha@bharian.com.my

25 petani Guar Medang Gatal bakal hilang sawah diusahakan 40 tahun lalu

CHUPING: Awal bulan lalu, lebih 50 penduduk sekitar Kampung Wang Kelian, dekat Padang Besar, di sini, tampil menyuarakan bantahan selepas kawasan yang menjadi tempat mereka berkumpul dan beriadah sejak berpuluh tahun lalu, tiba-tiba dipagar dan dikunci kerana diisytihar milik Polis Diraja Malaysia (PDRM). Kumpulan berkenaan dikatakan tidak berpuas hati kerana mendakwa, kawasan itu yang ditarah dan diratakan menggunakan tangan sendiri, kini diambil alih dengan mudah. Malah, tindakan pemiliknya yang memagar dan mengunci kawasan itu seolah-olah merampas hak orang ramai tanpa sebarang budi bicara, sedangkan kawasan berkenaan dibuka sendiri penduduk kampung. Hari ini, masalah hampir sama menghantui pula 25 penduduk yang majoritinya pesawah di kawasan Guar Medang Gatal, dekat sini.

Ini kerana, tanah bendang seluas lebih 75 relung atau kira-kira 32 hektar yang diusahakan mereka sejak lebih 40 tahun lalu kini dalam proses pengambilalihan, selepas diisytihar dimiliki Kementerian Dalam Negeri (KDN). Apa yang menyedihkan, penduduk kampung bukan sekadar bakal kehilangan tanah yang menjadi sumber rezeki utama sejak sekian lama, tetapi mata pencarian mereka juga mungkin terjejas kerana nilai pampasan yang ditawarkan didakwa begitu rendah iaitu tidak sampai 20 peratus daripada nilai sebenar tanah berkenaan. Berikutan itu, semua 25 pemilik tanah termasuk tujuh yang berketurunan Siam, tampil menyuarakan bantahan menggesa KDN mempertimbangkan semula hasrat mengambil alih tanah berkenaan, demi menjaga kepentingan penduduk kampung itu.

Seorang pemilik tanah, Mat Ali Jusoh, ketika ditemui berkata, pemaju hanya menawarkan pampasan RM3,500 bagi setiap relung tanah yang dimiliki, sedangkan nilai semasa aset berkenaan mencecah RM20,000 atau lebih. Bagi Mat Ali, beliau bukan mahu menghalang pembangunan, cuma apa yang ditawarkan pemaju sangat tidak munasabah dan jelas sekali merugikan kumpulan pemilik tanah. "Kalau boleh kami mahu kekal mengusahakan tanah bendang di kawasan ini, kerana ia sudah sebatih dengan jiwa kami, apatah dengan rekod ia diusahakan sejak 1970-an lagi. "Bagaimanapun, jika pihak KDN tetap ingin mengambil alih tanah berkenaan, kami pemilik berharap satu harga yang dipersetujui kedua-dua pihak dapat dicapai, sekali gus memudahkan segala urusan dilakukan," katanya yang memiliki enam relung atau kira-kira 2.4 hektar tanah di kawasan itu.

Berdasarkan maklumat, 75 relung tanah dijangka diambil alih KDN di Kampung Medang Gatal untuk pembangunan Kompleks Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) yang dijangka dibangunkan melalui tiga fasa. Beberapa siri rundingan sudah dilakukan untuk mencari jalan penyelesaian sejak 2002, namun sehingga kini masalah yang timbul antara 25 pengusaha tanah dan pemilik masih belum berjaya dirungkai.

Seorang lagi penduduk, Abdul Rahman Ali Mohamad, 58, berkata dia sudah mengusahakan tanah pusaka seluas empat relung atau 1.6 hektar milik isterinya, Norma Alwi, 55, sejak sekian lama, namun hanya mengetahui tanah berkenaan milik KDN selepas pihak kontraktor datang untuk mengukur tanah pada 2002. "Kami sedar tanah berkenaan bukan milik kami dan hanya mendapat kebenaran daripada Pejabat Tanah untuk mengusahakannya. "Bagaimanapun, kami pernah memohon mendapatkan geran untuk tanah berkenaan daripada kerajaan negeri, namun sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil sehingga ia diisytihar milik KDN. "Saya kini sudah bersara dan tanah bendang berkenaan sajalah yang menjadi punca pendapatan kami. Jika ia diambil, bagaimana kami ingin teruskan hidup, tambahan pula pampasan yang diterima terlalu kecil," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tanah dan Penguatkuasaan negeri, Mat Rawi Kassim, berkata pihaknya sudah sedia maklum mengenai kes berkenaan dan usaha mencari jalan penyelesaian sedang berjalan. "Kita akan adakan perjumpaan antara kedua-dua pihak dalam tempoh terdekat untuk membincangkan isu berkenaan, sekali gus mencari kata sepakat untuk mengelak mana-mana pihak berdepan kerugian," katanya.

5 Disember 2009 (Sabtu)

Surat -Kerajaan Selangor boleh tawar tender urus sampah, air kepada syarikat lebih cekap

LAPORAN akhbar tempatan baru-baru ini memetik Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat-Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Selangor, Datuk Dr Hasan Ali sebagai berkata bahawa sebagai Exco yang bertanggungjawab, beliau belum lagi membincang untuk menamatkan mana-mana syarikat yang menawarkan perkhidmatan dan digantikan dengan mana-mana syarikat lain atau diambil alih oleh kerajaan negeri. Mengapa kerajaan Selangor hendak mengambil alih perkhidmatan pengurusan sampah dan bekalan air? Adalah wajar sekiranya ditamatkan perkhidmatan syarikat yang tidak menunjukkan prestasi baik. Sebaliknya syarikat yang membekalkan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mempamerkan prestasi terbaik dan perkhidmatan cemerlang. Ini dapat dibuktikan dengan kenyataan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air yang mengatakan kualiti air di Selangor adalah terkawal dan ia menepati 99 peratus tahap kesihatan. Begitu juga dengan syarikat yang mengendalikan pengurusan sampah yang mana mereka lebih banyak pengalaman dan pengetahuan dalam bidang ini.

Seperti yang kita ketahui Syabas adalah syarikat yang menguruskan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang sudah banyak menjalankan kerja pembersihan kolam takungan air sebagai satu usaha untuk membekalkan air bersih kepada pengguna. Proses penggantian paip lama yang bertujuan untuk mengatasi masalah paip bocor dan air berkarat sudah dilaksanakan. Terlalu banyak paip yang diganti dan seterusnya membabitkan proses penyelenggaraan paip berkenaan bagi memastikan tahap kualiti air yang dibekalkan berada dalam keadaan bersih dan selamat. Namun, bagi syarikat yang menguruskan air, ia bukanlah satu tanggungjawab mudah untuk menjamin keselesaan kepada pengguna kerana ia merangkumi pelbagai proses dan kerja rumit. Kita patut mengucapkan 'syabas' dan berterima kasih kepada pihak Syabas kerana berjaya menggalas tanggungjawab diberikan serta pengguna dapat menikmati sumber air bersih dan berkualiti.

Adakah kerajaan Selangor sengaja ingin menindas Syabas dan seterusnya memperkenalkan projek air bawah tanah yang akan membekalkan air pada masa akan datang? Adakah Menteri Besar Selangor dan Exconya ingin mengambil alih pengurusan air di negeri terbabit? Mengapa sanggup mengambil alih sedangkan wang yang sedia ada tidak mencukupi? Tentu rakyatnya tidak mahu kerajaan melakukan pembaziran dari segi kewangan. Kerajaan Selangor memperuntukkan sebanyak RM12 juta sebulan untuk membayar bil air kepada Syabas. Walaupun pada asalnya kerajaan Selangor menggunakan peruntukan itu untuk membekalkan 20 meter padu air secara percuma kepada golongan yang memerlukan tetapi akhirnya golongan yang tidak sepatutnya turut menerima manfaatnya. Mengapa ia boleh terjadi?

Apa yang akan terjadi sekiranya kerajaan mengambil alih pengurusan air di Selangor? Adakah nasib golongan miskin ini akan terbela atau terus ditindas? Adakah dasar penswastan air di negeri ini tidak cukup baik?

Kepercayaan dan sokongan sepenuhnya patut diberikan kepada pihak pengurusan air dan sampah yang mempunyai pengetahuan mendalam serta pengalaman luas dalam bidang ini agar perkhidmatan diberikan sentiasa terjamin dan bertambah baik dari semasa ke semasa. Bukannya terus berebut untuk mengambil alih perkhidmatan itu.

EXCO Kerdil, Seri Kembangan.

7 Disember 2009 (Isnin)

Tanah runtuh ancam MRSM Bentong



KESAN runtuhan kira-kira 400 meter dari kuarters guru.

BENTONG: Pihak pengurusan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) berhampiran Plaza Tol Bentong dekat sini, diarahkan mengosongkan kawasan terbabit selepas satu runtuhan tanah berlaku kira-kira 400 meter dari sebuah pangsapuri yang menempatkan kuarters guru maktab berkenaan, tengah hari semalam. Dalam kejadian kira-kira jam 12 tengah hari itu, tebing bukit yang dilapisi batu konkrit sebagai penahan tanah dipercayai runtuh berikutan hujan berterusan sejak beberapa hari lalu.

Timbalan Ketua Polis Daerah, Deputy Superintendan Mohamad Mansor Mohamad Noor, berkata polis menerima laporan berkaitan runtuhan di kawasan MRSM itu kira-kira jam 12.30 tengah hari semalam. "Sebaik sampai ke tempat kejadian, satu runtuhan dikesan kira-kira 400 meter dari pangsapuri empat tingkat yang menempatkan kuarters guru. "Namun kejadian berkenaan tidak membabitkan kehilangan nyawa kerana kebetulan musim cuti sekolah dan kebanyakan pelajar serta guru pulang ke kampung untuk bercuti," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

"Ada kesan retak dilihat pada batu konkrit selebihnya yang menyokong tanah di bahagian bukit berkenaan dan berdasarkan keadaan cuaca yang tidak menentu, pihak kami bimbang akan berlaku runtuhan susulan. "Justeru, kami sudah meminta pihak MRSM mengosongkan kawasan bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan terus berlaku. "Malah Jabatan Kerja Raya juga sudah dimaklumkan mengenai runtuhan ini dan meminta pemantauan lanjut dilakukan bagi mengelakkan runtuhan menjadi lebih buruk," katanya.

7 Disember 2009 (Isnin)

Surat - Syor bina paip di darat ganti terowong air bawah tanah

SAYA ingin merujuk pandangan seorang pakar kaji bumi dalam Buletin Utama TV3 jam 8 malam, Jumaat lalu mengenai ramalan bakal berlakunya gempa bumi berskala lebih besar berbanding kekuatan 3.3 pada skala Richter yang melanda Bukit Tinggi, Pahang pada jam 9.41 pagi pada tarikh sama. Katanya, jika ramalan itu berlaku maka Empangan Batu, Klang Gate, Semenyih dan Langat akan terjejas dan boleh membawa mudarat kepada rakyat dalam lingkungan 80 kilometer (km) dari tempat kejadian (Bukit Tinggi).

Berdasarkan kebimbangan yang bakal berlaku pada masa depan, saya ingin kembali kepada saranan pembaca yang menulis dalam ruangan ini setahun dua lalu yang meminta Kerajaan Pusat menangguhkan projek pembinaan terowong air sepanjang 45km di bawah jajaran Banjaran Titiwangsa. Ia mencadangkan Empangan Kelau juga dibatalkan, sebaliknya menggunakan alternatif lain seperti pembinaan paip atas darat (overland pipe) sebagai kaedah lebih wajar dan selamat untuk memindahkan air mentah dari Pahang ke Selangor kelak.

Sebenarnya saya bersetuju dengan tulisan pembaca itu yang mengemukakan pandangan beberapa pakar alam sekitar, kaji bumi tempatan yang sudah menjangkakan fenomena yang bakal berlaku ini dan pada masa itu tidak diambil maklum pihak berwajib. Saya ingin meminta jasa baik Perdana Menteri agar dapat membuat suatu keputusan yang tepat dan cepat demi keselamatan penduduk Lembah Klang, Pahang, Negeri sembilan dan Perak berkaitan pandangan disuarakan pakar terbabit.

RAKYAT BIMBANG, Gombak.

8 Disember 2009 (Selasa)

Rencana - Pengurusan tak efisien punca kemusnahan alam sekitar

Oleh Mohd Nazifi Nawawi

Kepesatan pembangunan tanpa perancangan strategik penyebab pencemaran, jejas kualiti hidup

DALAM usaha mengejar kemajuan dan meningkatkan taraf hidup penduduk, kegiatan ekonomi dan projek pembangunan sesebuah negara, tidak dapat dielakkan. Namun, timbul pula kesan negatif kepada alam sekitar daripada proses pembangunan dan pemodenan disebabkan manusia sering mengabaikan masalah alam sekitar yang timbul daripada proses pembangunan itu. Semua kesan negatif ini semakin menggugat kesihatan manusia, sumber ekonomi dan kemandirian bumi. Untuk mengurangkan kesan negatif pembangunan ke atas alam sekitar, setiap aktiviti ekonomi dan pembangunan mesti diseimbangkan dengan usaha pengurusan dan pemeliharaan alam.

Pencemaran boleh ditakrifkan sebagai 'pembuangan benda atau bahan hasil daripada aktiviti manusia ke alam persekitaran yang akan menyebabkan terganggunya keselesaan atau kemandirian kehidupan'. Takrifan pencemaran berdasar Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 ialah 'pencemaran adalah sebarang perubahan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada sifat fizik, kimia, biologi atau aras radiasi mana-mana bahagian alam sekeliling dengan melepas, mengeluarkan atau meletakkan buangan hingga menjejaskan kegunaan berfaedah, yang menimbulkan sesuatu keadaan berbahaya atau mungkin berbahaya kepada kesihatan, keselamatan atau kebajikan awam atau organisma lain, tumbuhan dan haiwan."

Konsep pencemaran amat bergantung atau bersandar kepada sesuatu nilai atau pengukuran ditetapkan ke atas sesuatu faktor yang menimbulkan pencemaran itu sendiri. Tanpa nilai ini, konsep pencemaran menjadi kabur. Misalnya, sungai menjadi tercemar hanya apabila didapati daripada pengukuran bahawa kandungan sesuatu bahan kimia di dalam sungai terbabit melepasi paras bahaya. Pencemaran dapat dikategorikan kepada pencemaran air, udara, bunyi dan tanah. Pencemaran air bermaksud perubahan yang berlaku dari segi kandungan, keadaan dan warna sehingga tidak sesuai dan akan memberikan kesan terhadap manusia apabila digunakan. Pencemaran ini berlaku sama ada dari segi biologi dan kimia. Bahan pencemar pula boleh didapati dalam pelbagai bentuk iaitu gas, cecair dan pepejal.

Pencemaran air boleh berlaku di mana-mana saja tempat berair seperti sungai, laut, tasik dan kolam. Oleh itu, pencemaran air adalah pencemaran yang begitu meluas kerana sebahagian besar bumi diliputi air. Pembuangan bahan buangan seperti sampah, minyak dan najis oleh sesetengah pihak atau individu adalah penyumbang kepada pencemaran air. Selain itu, penerokaan kawasan untuk tujuan pembangunan dan pembinaan juga menjadi punca pencemaran air. Penerokaan dijalankan akan menyebabkan hakisan tanah berlaku dan seterusnya hakisan tanah ini akan memasuki sungai. Mendapan akan terbentuk di mana mendakan ini akan menyebabkan paras sungai semakin cetek dan ia boleh meningkatkan risiko berlakunya pula banjir. Punca pencemaran air yang lain ialah daripada sisa bahan buangan industri seperti sisa toksik yang dibuang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pemilik industri membuang sisa industri mereka ke dalam sungai kerana ini adalah jalan mudah dan cepat kerana tidak memerlukan kos pelupusan untuk sisa terbabit. Sikap tidak bertanggungjawab dan mementingkan keuntungan semata-mata, membutakan hati dan perasaan manusia terhadap alam sekitar. Pengusaha industri umpamanya berusaha menjimatkan kos dengan mengambil jalan mudah membuang sisa industri ke dalam sungai walaupun menyedari kesannya terhadap sungai. Selain itu, kekurangan pengetahuan menyebabkan pemilik industri tidak mengambil berat serta cuba mengelak piawaian keselamatan ditetapkan sama ada berhubung dengan keselamatan manusia atau kestabilan alam sekitar.

Pembangunan tidak boleh dipersalahkan sebagai punca kemusnahan alam sekitar kerana pembangunan diperlukan untuk sesebuah ketamadunan yang maju. Sebaliknya, masalah dan kesan negatif yang timbul daripada pengurusan alam sekitar yang tidak efisien dan tidak berkesan perlu dipandang berat kerana sungai adalah sumber air paling utama. Kepesatan pembangunan industri, perumahan dan pembukaan tanah baru menyebabkan banyak sungai yang hilang keupayaan untuk memainkan peranan semula jadinya. Sekiranya fenomena ini berterusan, tidak mustahil rangkaian sungai di seluruh negara akan tercemar. Pencemaran udara pula berlaku apabila wujud bendasing dalam kepekatan udara yang mengganggu atau membahayakan manusia, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan harta benda. Bendasing ini dalam bentuk habuk, asap, kabus, wap dan pelbagai jenis gas (antaranya karbon monoksida, nitrogen oksida, hidrokarbon dan sulfur oksida) atau sebarang campuran bahan ini.

Antara punca pencemaran udara adalah asap kenderaan diikuti stesen jana kuasa, pembakaran bahan api industri, pemprosesan industri dan pembakaran terbuka. Perokok yang menghembuskan asap rokok dan pembakaran sisa buangan di kawasan perumahan secara tidak terkawal juga memberi kesan kepada pencemaran udara. Pembangunan tanpa perancangan yang strategik boleh membawa kesan buruk yang akan mengancam kualiti alam sekitar. Jumlah kenderaan di seluruh negara didapati meningkat hampir dua kali ganda sejak 1980. Keadaan ini berbahaya kepada alam sekitar kerana gas karbon monoksida daripada asap kenderaan boleh menjejaskan kesihatan manusia dan juga menipiskan lapisan ozon. Pencemaran alam sekitar melalui pencemaran udara ini ditimbulkan oleh sikap manusia itu sendiri.

Pencemaran bunyi ialah bunyi bising yang keterlaluan sehingga menyakitkan telinga. Antara puncanya ialah bunyi kenderaan bermotor. Pada kebiasaannya, setiap model kenderaan bermotor dicipta mengikut piawaian di bawah paras bahaya pencemaran bunyi. Namun, ada segelintir masyarakat yang gemar mengubah tahap bunyi kenderaan mereka sehingga menimbulkan ketidakselesaan orang awam. Selain itu, industri juga adalah penyumbang ke arah pencemaran bunyi di mana bunyi ini datangnya daripada penggunaan jentera dan kenderaan. Industri yang berdekatan dengan kawasan perumahan dan tidak memenuhi syarat ditetapkan, akan menyebabkan pencemaran bunyi kepada penduduk terbabit. Aktiviti kuari juga menyumbang kepada pencemaran bunyi menerusi bunyi pemecahan batu, penggerudian dan pemunggaan batu ke lori.

Pencemaran tanah bermaksud perbuatan yang berlaku kepada sesuatu kawasan sehingga terjadinya perubahan warna, kesuburan dan hakisan. Pencemaran ini disebabkan bahan buangan sama ada dalam bentuk cecair atau pepejal. Bahan pencemar pula terdiri daripada pencemar organik dan kimia. Antara punca pencemaran tanah ialah pembuangan bahan buangan daripada industri seperti minyak, sisa toksik dan sisa industri, pembuangan sampah merata-rata serta penggunaan racun serangga secara berlebihan.

Tidak dinafikan, ada manusia yang jarang menghargai nilai semula jadi flora dan fauna yang sangat menarik dan indah. Penebangan pokok dan industri pembalakan di kawasan terbabit, kononnya untuk menggerakkan industri hiliran bagi membangunkan ekonomi negara, memberi kesan negatif terhadap alam sekitar. Kesan penebangan mengubah sama sekali rupa bentuk di kawasan berkenaan. Pencemaran tanah juga memberi kesan ke atas aktiviti manusia. Jika hampir kesemua tempat dicemari, manusia sudah tidak berpeluang lagi untuk melihat keindahan alam ini. Tanah yang dicemari tidak sesuai lagi untuk dijalankan aktiviti pertanian kerana bahan pencemar kimia akan membunuh dan mengganggu tumbesaran tumbuhan yang ditanam. Penukaran tanah daripada hutan kepada pertanian menyebabkan berlakunya penebangan hutan secara meluas. Selain mengurangkan jumlah hutan asal dan biodiversiti hutan dan hidupan liar, penebangan hutan ini juga turut menyumbang kepada hakisan tanah, pempendapan, kerosakan cerun dan tanah runtuh di Malaysia.

Penebangan hutan yang berterusan dan kemusnahan hutan di kawasan tadahan air akan menjejaskan bekalan air dan kualiti sumber air, menjejaskan kemampuan pengambilan air bawah tanah dan akan menyebabkan lebih banyak berlakunya banjir di kawasan tanah rendah. Pembangunan yang tidak dirancang dengan berkesan seperti pembalakan dan pembukaan tanah secara berleluasa, akan memberi kesan buruk terhadap alam sekitar contohnya berlaku hakisan tanah, perubahan iklim, kesan kepada rumah hijau dan banjir. Kesimpulannya, Malaysia sememangnya sebuah negara yang berkembang pesat serta maju dalam pelbagai bidang. Namun, dalam kepesatan pertumbuhannya itu, ramai yang tidak menyedari ia juga membawa kesan sampingan terhadap alam sekitar. Sebenarnya, punca utama kemusnahan alam sekitar adalah hasil perbuatan manusia sendiri yang tidak mempunyai nilai peka terhadap isu alam sekitar. Sayang pada alam sekitar, patuh kepada undang-undang dan bertanggungjawab boleh membantu meminimumkan pencemaran alam sekitar. Manusialah yang perlu rasional menangani keadaan ini.

Penulis ialah Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Lembaga Urus Air Selangor

10 Disember 2009 (Khamis)

Landasan kembar ikut prosedur: PAC

Kelemahan hanya dari segi pengurusan

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendapati sukar untuk menentukan sekiranya wujud penyelewengan dalam pelaksanaan projek landasan berkembar Rawang-Ipoh yang menelan belanja hampir RM1.43 bilion, iaitu 32.9 peratus lebih tinggi daripada nilai kontrak asal. Pengerusinya Datuk Seri Azmi Khalid, berkata pihaknya sudah menemui wakil daripada Kementerian Pengangkutan, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), pihak perunding dan kontraktor yang menjalankan projek itu dan mendapati kebanyakan urusan dilakukan mengikut prosedur terutama urusan kewangan. Sebaliknya, kata beliau, kelemahan didapati wujud dari segi pengurusan dan pelaksanaan projek itu pada semua peringkat. "Di antara perkara yang akan PAC utarakan kepada kerajaan soal penambahbaikan cara kerajaan melaksanakan projek besar pada masa akan datang.

"Apa harus diberi perhatian ialah melengkapkan prosedur, melengkapkan Prosedur Standard Operasi, pemeriksaan senarai lebih rapi dan juga melihat sama ada cara melaksanakan projek secara reka dan bina wajar diteruskan atau digunakan kaedah yang lain," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu di Bangunan Parlimen di sini semalam. Beliau berkata, antara kelemahan yang ketara ialah proses pengambilan dan penggunaan tanah yang membabitkan kelulusan majlis perbandaran sehingga melewati projek. "Ini menyebabkan kos bertambah, kos teknikal juga bertambah. Masa yang diberikan untuk pengambilan tanah hanya lima bulan, walhal pengambilan tanah isu yang terbesar dalam sesuatu projek," katanya.

Azmi berkata, projek itu dimulakan pada 2000 dan dijadualkan siap pada 2005, tetapi kerana masalah yang timbul termasuk pengambilan kontraktor baru, projek itu hanya dapat disempurnakan pada 2007.

24 Disember 2009 (Khamis)

Rencana - Iktibar kejadian enjin pesawat hilang



KEHILANGAN dua enjin pesawat tempur F-5E milik TUDM menyebabkan kerajaan rugi RM100 juta mengikut harga pasaran enjin berkenaan. - Gambar hiasan

Semua pihak tidak boleh alpa isu babitkan keselamatan negara

SELEPAS dua tahun berlaku, misteri kehilangan dua enjin pesawat tempur F-5E milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), ketika dalam proses penyelenggaraan rutinnya di Skuadron 12 Scorpion Butterworth dan Pangkalan Udara Kuala Lumpur kini terbongkar. Pendedahan mengenai kejadian itu, masing-masing dilaporkan berlaku pada 26 Jun 2007 dan 1 November 2007, mengejutkan pelbagai pihak kerana dianggap penyelewengan terbesar dalam sejarah ketenteraan di negara ini. Lebih mengejutkan, kejadian itu yang menyebabkan kerajaan kerugian RM100 juta mengikut harga pasaran enjin berkenaan dikatakan didalangi 'orang dalam' syarikat penyelenggaraan pesawat terbabit dengan turut mendapat bantuan beberapa pegawai dan anggota TUDM. Ia turut menimbulkan tanda tanya bagaimana enjin sebesar itu boleh lesap dari pangkalan tentera yang dikawal ketat, selain dikatakan gagal dikesan hingga kini, walaupun ada maklumat menyatakan ia dijual kepada pembeli di Eropah, Amerika Selatan dan Asia Barat.

Difahamkan, banyak pihak termasuk di kalangan beberapa pengamal media sendiri, kurang senang dengan pendedahan itu kerana membabitkan isu keselamatan negara, termasuk pelbagai masalah dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Bagaimanapun, pendedahan berkenaan, yang diakui menjejaskan imej ATM, terutama TUDM harus dipandang dari sudut positif, khususnya untuk memperbaiki segala kelemahan dalam institusi pertahanan negara. Berdasarkan modus operandi kehilangan enjin berkenaan, kelemahan paling ketara dikesan ialah dari segi rekod inventori peralatan ketumbukan itu, termasuk membabitkan beberapa aset pertahanan strategik. Ia berikutan kehilangan kedua-dua enjin itu, antara yang termaju pernah dibina untuk pesawat tempur, hanya disedari pada Mei 2008, iaitu hampir setahun selepas enjin pertama dibawa keluar dari pangkalan untuk tujuan penyelenggaraan.

Tempoh lama juga diambil, iaitu hampir tiga bulan sebaik kejadian disedari, untuk membuat laporan polis, iaitu pada 4 Ogos 2008, dipercayai selepas siasatan dalaman yang dilakukan pihak tentera menemui jalan buntu. Bagaimanapun, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, menafikan kelemahan sistem inventori ketumbukan itu menjadi punca kehilangan enjin berkenaan hingga mencetuskan kontroversi. "Di Kementerian Pertahanan, ATM dan ketiga-tiga cabang perkhidmatannya, rekod inventori memang kemas. Bagaimanapun, walau sekemas dan seketat mana pun sistem inventori kita, ia penjenayah akan tetap berusaha membolosinya," katanya.

Beliau yang kecewa dengan kejadian itu juga mahu tindakan tegas diambil terhadap mereka yang mendalangi kegiatan itu kerana menyifatkan perbuatan mereka sebagai pengkhianat kerana mengancam keselamatan negara. Ahmad Zahid turut mengakui kerajaan terpaksa mengambil masa lama untuk menjalankan siasatan terhadap kejadian itu kerana prosesnya agak rumit, selain membabitkan banyak pihak termasuk di luar negara. Bagaimanapun katanya, kelewatan itu tidak bermaksud kerajaan cuba menyembunyikan kejadian berkenaan daripada pengetahuan rakyat seperti didakwa segelintir pihak. Kenyataan Zahid turut diperakui Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika ditanya mengenai kehilangan enjin berkenaan selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Aeroangkasa Malaysia Ke-6 di Putrajaya, Isnin lalu.

Najib yang memegang portfolio Menteri Pertahanan ketika kehilangan itu berlaku menyatakan kerajaan tidak pernah melindungi mana-mana pihak atau cuba menutup sebarang bentuk penyelewengan. "Kementerian Pertahanan sudah mengambil tindakan serta-merta, termasuk membuat laporan polis kehilangan itu. Kita tidak berhasrat langsung untuk menyembunyikan kes, malah kita terus menyerahkannya kepada polis sebaik mengetahuinya. Ketika itu, saya adalah menteri yang bertanggungjawab dan saya sendiri yang membuat keputusan kita patut melaporkannya kepada polis. Justeru, tidak timbul isu kerajaan mahu sembunyi apa-apa fakta mengenai kejadian itu," katanya.

Kesimpulannya, banyak hikmah di sebalik pendedahan kehilangan enjin berkenaan. Ia sebenarnya harus dijadikan iktibar penting bahawa semua pihak tidak boleh leka dalam perkara berkaitan keselamatan negara. Hakikat bahawa ia tidak didedahkan kepada awam bukan bermakna wujud cubaan menutup kes berkenaan. Sebaliknya, ia bertujuan untuk memastikan siasatan yang masih berterusan dapat dijalankan tanpa dipengaruhi unsur yang boleh menyulitkan lagi keadaan. Kenyataan Perdana Menteri dan semua pihak bahawa mereka yang terbabit akan dibawa ke muka pengadilan adalah jaminan bahawa yang bersalah pasti akan dihukum. Apa yang penting ketika ini ialah untuk semua pihak bersabar dan menunggu proses undang-undang untuk merungkai persoalan sebenar di sebalik kejadian berkenaan.

24 Disember 2009 (Khamis)

Rencana - Dua peristiwa jengkel tutup tirai 2009

Oleh Rejal Arbee

Kes dua enjin pesawat F-5E hilang, ramai YB tak hadir undi Bajet 2010 perlu jadi pengajaran kerajaan BN

DUA perkara ini mendapat perhatian ramai menjelang tibanya tahun baru 2010 hingga menimbulkan tanda tanya-tanya apakah gerangan yang sedang melanda negara ini. Pertamanya kehilangan dua enjin pesawat F-5E kepunyaan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) secara berasingan dalam tempoh lima bulan pada 2007 dan 2008. Keduanya bagaimana bajet tahun depan hampir tidak lulus di Parlimen kerana ramai anggota Barisan Nasional tidak hadir ketika pengundian dikira. Ini adalah suatu perkara yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Implikasinya kerajaan sekarang terselamat hanya dengan tiga undi. Bayangkan kalau Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan lima lagi menteri tidak hadir, apakah kerajaan sekarang sudah jatuh?

Bacaan kali ketiga Bajet 2010 diluluskan Dewan Rakyat malam 14 Disember lalu dengan hanya kelebihan tiga undi, yang mana 63 orang Ahli Parlimen menolak, manakala 66 lagi menyokong. Dikatakan 70 lagi anggota Dewan Rakyat BN tidak hadir ketika pengundian itu diminta oleh pembangkang yang mungkin tahu ramai di antara mereka itu tidak hadir. Walaupun ada di antara mereka berada di tanah suci Makkah waktu itu selain daripada beberapa orang lain berada di luar negara untuk tugas rasmi, yang lain tentunya boleh hadir. Apakah ini menunjukkan ramai ahli Yang Berhormat kita tidak memberikan tumpuan serius terhadap tanggung jawab mereka sebagai Ahli Parlimen, hanya mereka sendiri yang mengetahui. Apa pun peristiwa ini memberikan satu pengajaran kepada kerajaan BN.

Peristiwa kehilangan enjin jet TUDM pula adalah sesuatu yang amat memalukan. Mulanya dikatakan satu enjin pesawat F-5E hilang. Itu saja pun sudah tidak masuk akal apatah lagi yang kedua lima bulan kemudian. Kini terbongkar pula bahawa pelbagai peralatan dan kelengkapan ketenteraan yang lain turut lesap. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi sendiri menyatakan kemungkinan lebih banyak kes penyelewengan lain akan diketahui berikutan dengan pemeriksaan audit yang lebih terperinci yang sedang dilangsungkan sekarang. Kehilangan dua enjin jet itu diketahui selepas audit dilakukan atas arahan Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Azizan Ariffin yang sebelum ini menjadi Panglima TUDM. Beliau menyifatkan mereka yang terbabit itu sebagai pengkhianat negara.

Hingga kini, tidak pula diketahui jenis peralatan dan kelengkapan yang hilang itu. Apakah ia juga termasuk berbagai peralatan yang sensitif dan berbahaya? Kerajaan sepatutnya sudah boleh jelaskan secara terperinci apakah peralatan ketenteraan yang hilang selain dua enjin jet F-5E itu. Dalam kes enjin itu, segala dokumen mengenainya juga hilang kerana tanpa dokumen itu, enjin berkenaan tidak mungkin boleh dijual. Tentunya dokumen itu disimpan di tempat yang difikirkan selamat, maknanya bukanlah dalam sebarang laci atau almari biasa. Gambarannya tentulah kehilangan itu membabitkan pihak yang mengetahui selok belok sistem simpanan dan pengeluarannya.

Tentunya ia mungkin membabitkan pegawai tinggi dalam TUDM kalau pun tidak di Kementerian Pertahanan. Apa pun dikatakan seorang Brigadier Jeneral dan empat anggota lain TUDM sudah pun dikenakan tindakan. Tetapi kini kedengaran banyak suara mereka yang terbabit harus dibawa ke muka pengadilan sebagai pengkhianat negara. Yang menjadi tanda tanya apakah pegangan moral dan etika kita sudah begitu terhakis dan perlakuan rasuah juga sudah menular hingga peralatan ketenteraan yang boleh membawa kepada tercemarnya keselamatan negara pun boleh berlaku?

Tidak menghairankan kenapa Azizan sendiri menyifatkan mereka sebagai pengkhianat negara. Semua kehilangan itu sungguh memalukan dan membawa kepada pelbagai implikasi serius terhadap betapa selamatnya simpanan kelengkapan dan peralatan ketenteraan negara. Ini membawa pula kepada pelbagai kemungkinan lain termasuk yang boleh membahayakan negara sendiri selain dari kehilangan kepercayaan terhadap cara negara ini menyimpan segala kelengkapan merbahaya oleh bukan saja pembekalnya tetapi juga negara yang mengeksportnya ke sini.

Ini adalah kerana peralatan strategik demikian hanya boleh di eksport dengan restu kerajaan di mana peralatan itu dibuat. Antara negara itu ialah Amerika Syarikat pembekal jet tempur kita selain pelbagai peralatan lain termasuk peluru berpandu. Negara lain termasuk Russia dan Perancis. Ia juga menimbulkan tanda tanya bagaimana selamatnya simpanan segala peralatan dan kelengkapan ketenteraan kita. Tentunya negara asing yang menjadi pembekal pelbagai peralatan pertahanan kita itu juga akan berasa cemas jika peralatan berbahaya demikian boleh jatuh ke tangan puak ekstrim dan pengganas.

Kesimpulannya ialah wujud kelemahan dalam sistem simpanan peralatan itu hingga enjin jet pun boleh hilang selain daripada pelbagai kelengkapan dan peralatan lain. Walaupun Zahid menjamin sistem rekod termasuk peraturan inventori segala kelengkapan pertahanan negara di Kementerian Pertahanan dan ketiga-tiga ketumbukan iaitu tentera darat, udara dan laut amat kemas, beliau tidak pula boleh memberi jaminan ia tidak boleh dibolosi. Ini bermakna sistem itu sendiri kini tidak kemas. Memandangkan kelengkapan ketenteraan yang disimpan termasuk pelbagai jenis peralatan tentera yang berbahaya dan sensitif, ia tidak harus boleh jatuh ke tangan orang lain. Oleh itu sistem inventori dan simpanan yang perlu diwujudkan sebolehnya 100 peratus terjamin kalis sebarang perlakuan tidak diingini termasuk kecurian.

Kemudian diberitakan pula enjin itu sudah pun dieksport ke luar negara. Ini juga menimbulkan pelbagai persoalan lain. Siasatan menunjukkan enjin pertama dibawa keluar dari tempat simpanannya di markas Skuadron Ke-12 Scorpion di Butterworth untuk penyelenggaraan rutin di kem Sungai Besi pada 26 Jun, 2007, manakala enjin kedua pada 1 November tahun sama. Bagaimanapun, kehilangan itu hanya disedari pada Mei 2008 hampir setahun daripada kehilangan pertama. Anehnya, laporan polis terhadap kehilangan itu hanya di buat pada 4 Ogos, iaitu tiga bulan selepas jenayah itu diketahui.

Persoalan juga timbul bagaimana enjin itu boleh pula dieksport ke luar negara? Tentunya ia perlu mendapatkan persetujuan Kementerian dan pihak Kastam. Ini menunjukkan banyak persoalan yang perlu dijelaskan kerajaan untuk memulihkan kembali kepercayaan rakyat serta juga negara pembekal kelengkapan ketenteraannya. Dalam pada itu ada pula yang menyatakan bahawa wujud kemungkinan tidak semua bekalan yang ditempah dihantar ke sini. Kononnya mungkin berlaku keciciran terhadap sesetengah peralatan yang dibeli itu. Apakah ini yang berlaku?

24 Disember 2009 (Khamis)

Kemas kini aspek urus bangunan

Oleh Magendran Rajagopal magendran@bharian.com.my

Pemilik hartanah perlu lebih peka

KUALA LUMPUR: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah mengenal pasti kelemahan serta kekurangan Akta Bangunan dan Hartanah Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007, yang sedang dikemas kini bagi meningkatkan keberkesanannya. Menteri, Datuk Seri Kong Cho Ha, berkata pendekatan itu bertujuan memberi perlindungan lebih baik kepada hak dan kepentingan pemilik rumah pangsa, apartmen, kondominium serta rumah bandar selain kompleks beli-belah dan apartmen servis. "Proses menambah baik akta terbabit merangkumi semua hartanah yang mempunyai hak milik strata, termasuk pembinaan atas tapak komersial. "Kita mahu pastikan semua aspek berkaitan seperti penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Jawatankuasa Pengurusan (MC) dan penguatkuasaan akta itu oleh Pesuruhjaya Bangunan (COB) dapat menangani segala permasalahan yang dibangkitkan pemilik selama ini. "Ini termasuk pengwujudkan garis panduan, peraturan, mengadakan program latihan untuk pemaju, syarikat pengurusan dan COB selain menyediakan khidmat nasihat kepada pemilik serta menangani aduan mereka," katanya ketika dihubungi semalam.

Antara isu yang diberi keutamaan ialah mempercepatkan pengeluaran geran hak milik strata kepada pemilik untuk membolehkan mereka menubuhkan JMB bagi menguruskan sendiri kawasan guna sama di kediaman masing-masing. Sebelum hak milik strata dikeluarkan, sesuatu hartanah itu diuruskan oleh JMB yang dianggotai wakil pemaju dan pembeli. Selepas hak milik strata dikeluarkan, JMB digantikan dengan MC dan pemaju tidak lagi campur tangan dalam aspek pengurusan bangunan. COB, yang dilantik kerajaan negeri, bertanggungjawab melaksanakan undang-undang berkenaan bagi menyelesaikan sebarang masalah yang mungkin berlaku dalam tempoh apabila kunci kediaman diserahkan kepada pembeli sehingga geran hak milik strata dikeluarkan.

Kata Kong, kementeriannya juga mahu melakukan beberapa pindaan tahun depan bagi mewujudkan garis panduan atau peraturan baru untuk memastikan pemilik hartanah lebih peka mengenai hak mereka dan mengambil tahu peranan mereka dalam pengurusan kawasan guna sama. "Kementerian ini akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, yang bertanggungjawab melaksana Akta Hak Milik Strata 1985, bagi mengemas kini aspek pengurusan bangunan dan hartanah guna sama selain pengeluaran geran hak milik strata.

25 Disember 2009 (Jumaat)

AS minta laporan terperinci kes dua enjin F-5E hilang

Oleh Hardi Effendi Yaacob hardi@bharian.com.my

Pengeluar pesawat jet perang anggap kejadian jejas isu keselamatan

KUALA LUMPUR: Amerika Syarikat (AS) meminta Malaysia menyediakan laporan lengkap kehilangan dua enjin pesawat tempur, F-5E, milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang dilaporkan dua tahun lalu. Difahamkan, permintaan dibuat atas kapasiti AS sebagai negara pengeluar pesawat dan mahu menggunakan laporan itu untuk siasatan kerana ia membabitkan isu keselamatan. Sumber memberitahu Berita Harian, perkara itu sudah dimaklumkan secara rasmi kepada Kerajaan Malaysia melalui Kedutaan AS di ibu negara. "Kehilangan peralatan itu tidak boleh dipandang ringan kerana menyentuh isu keselamatan. Justeru, siasatan terperinci perlu dilakukan," katanya.

Pada Jun dan November 2007, dua enjin pesawat F-5E yang berpangkalan di Skuadron 12 Scorpion Butterworth dilaporkan hilang ketika proses penyelenggaraan rutin, dipercayai didalangi orang dalam syarikat penyelenggaraan pesawat itu yang turut dibantu orang dalam. Kehilangan enjin pertama dilaporkan di Gudang Material Udara I, Sungai Besi, manakala enjin kedua hilang sebaik meninggalkan pangkalannya di Butterworth untuk ke ibu negara. Ia dipercayai sebagai komponen alat ganti kepada pembeli antarabangsa dari Amerika Latin. Bagaimanapun, kehilangan kedua-dua enjin bernilai RM100 juta itu hanya disedari setahun selepas itu sebelum laporan polis dibuat di Ibu pejabat Daerah (IPD) Brickfields, 4 Ogos 2008.

Semalam, Kabinet mengarahkan sebarang kenyataan, termasuk perkembangan kes itu hanya boleh dikeluarkan Pejabat Peguam Negara bagi mengelak gangguan siasatan, selain melindungi imej Angkatan Tentera Malaysia (ATM), terutama TUDM. Sementara itu, jurucakap Kedutaan AS, Tina Malone, dalam satu kenyataan semalam memaklumkan kerajaan negaranya memandang serius kejadian itu. Katanya, AS mengikuti laporan media mengenai kehilangan enjin berkenaan sejak ia mula didedahkan kumpulan akhbar New Straits Times Press (NSTP) pada Sabtu lalu yang mengejutkan banyak pihak. "Kerajaan AS amat bimbang dengan kehilangan ini. Kita juga akan menemui agensi berkaitan di negara ini untuk membincangkan isu itu," katanya.

AS adalah antara negara pengeluar peralatan ketenteraan, termasuk pesawat tempur di dunia, malah sektor itu antara penyumbang ekonomi terbesar negara itu.

25 Disember 2009 (Jumaat)

Kertas siasatan sedang dikemas kini: Musa

KUALA LUMPUR: Jabatan Peguam Negara mengembalikan semula kertas siasatan berhubung kes kehilangan dua enjin jet pejuang milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) kepada polis bagi membolehkan kes itu disiasat lebih lanjut dan terperinci, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Musa Hassan. Katanya ketika dalam proses siasatan sebelum ini, polis menghantar kertas siasatan berhubung kes itu kepada Peguam Negara untuk dinilai supaya tindakan susulan boleh diambil, namun Peguam Negara menghantar balik kertas siasatan itu kepada polis. Beliau berkata ia dihantar balik bagi membolehkan polis menyiasat lebih lanjut dan mendapatkan dokumen-dokumen yang penting yang berkaitan, di samping mengenal pasti bagaimana enjin ini boleh dibawa ke luar negara.

"Siasatan sedang giat dijalankan dan dikemas kini sebelum kertas siasatan kes itu boleh dihantar semula ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan lanjut," katanya pada sidang media selepas sambutan Hari Ulang tahun Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) ke-54 di sini, semalam. Sementara itu, Musa berkata, tiga lelaki warga Thailand yang ditahan kerana memiliki bahan letupan di sebuah rumah di Pasir Mas, 14 Disember lalu mungkin dikenakan tindakan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Katanya, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melakukan siasatan membabitkan kerjasama rakan sejawat dari Thailand.

25 Disember 2009 (Jumaat)

TUDM jamin beri kerjasama dengan polis, Peguam Negara

KUALA LUMPUR: Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menyerahkan kepada Bukit Aman dan Pejabat Peguam Negara dalam menyelesaikan kes kehilangan pesawat tempurnya, F-5E, yang dilaporkan dua tahun lalu. Pegawai Perhubungan Awam TUDM, Mejar Kamarulzaman Mohd Ali, berkata pihaknya memberi kerjasama penuh kepada polis dan Peguam Negara dalam membantu siasatan kes berkenaan. TUDM dimaklumkan kes ini sedang dikaji dan menanti arahan dari Peguam Negara untuk tindakan seterusnya, justeru kita tidak akan mengeluarkan sebarang kenyataan yang boleh mengganggu siasatan dan pendakwaan. "Kami berharap semua pihak dapat menunggu maklum balas daripada Pejabat Peguam Negara sebelum memberikan sebarang komen," katanya dalam satu kenyataan media di sini semalam.

Kenyataan itu adalah maklum balas rasmi pertama TUDM selepas media mendedahkan misteri kehilangan dua enjin jenis GE J85 21-A di Pangkalan Udara Kuala Lumpur dan Skuadron 12 Scorpion Butterworth, masing-masing pada Jun dan November 2007, sepanjang minggu ini. Katanya, TUDM mula menggunakan pesawat F-5E pada 1974 tetapi pada 1999, perkhidmatannya ditamatkan disebabkan beberapa faktor. Sehubungan itu, katanya, peranan F-5E sebagai pesawat tempur barisan depan diambil alih oleh pesawat MiG-29N dan F/A-18D. "Walaupun usianya menjangkau 29 tahun di dalam inventori TUDM, namun pada 2003 pesawat itu diaktifkan semula sebagai pesawat latihan dan tinjauan bagi menampung keperluan semasa," katanya.

Mengenai laporan pegawai kanan TUDM berpangkat Brigadier Jeneral serta beberapa anggota lain dikenakan tindakan pemberhentian, ia berlaku sebelum kejadian kehilangan enjin jet disedari. "Tindakan yang diambil lebih berkaitan kepada ketidakcekapan dan prestasi kerja. Tindakan diambil adalah langkah biasa dilaksanakan bagi mengelak kejadian tidak berulang lagi," katanya.

26 Disember 2009 (Sabtu)

KDN sasar dua tahun selesai isu etnik Sarawak tanpa MyKad

Oleh Kandau Sidi kandau@bharian.com.my



KAKITANGAN JPN mendaftar permohonan sijil kelahiran dan MyKad etnik Penan di Long Kevok, Ulu Baram, Sarawak, baru-baru ini.

Gerak kerja komprehensif semua peringkat pastikan penduduk di pedalaman miliki dokumen pengenalan diri

SEPARUH abad terpaksa menunggu untuk mendapatkan 'tingki' (kad pengenalan atau MyKad) malah sesetengahnya tidak pernah menikmati status kewarganegaraan Malaysia kerana meninggal dunia akibat tua. Aping Mirai, 49, etnik Penan dari Long Kevok, yang mendiami di Hulu Baram di pedalaman Miri, Sarawak antara ribuan etnik Bumi Kenyalang yang lewat atau masih belum memiliki tingki, panggilan suku Penan untuk MyKad. Mungkin bagi mereka sama ada memiliki tingki atau sebaliknya, tidak banyak beza kerana tiada siapa mementulkannya di luar bandar. Lagipun, ramai wanita Penan dan etnik peribumi lain di Sarawak melahirkan anak menggunakan bidan kampung disebabkan faktor geografi kerana klinik kerajaan terletak jauh dari kawasan penempatan mereka.

Pendek kata, segala urusan mendaftarkan dokumen pengenalan diri bukan keperluan utama penduduk luar bandar. Keadaan ini menyebabkan ramai penduduk Sarawak tidak mempunyai sijil kelahiran sehingga menyukarkan mereka memohon dokumen penting itu. Keadaan dialami Aping sebenarnya sama dengan masalah dihadapi kira-kira 16,281 etnik Penan lain dengan dianggarkan 3,098 mereka belum mempunyai MyKad malah 6,958 pula tiada dokumen rasmi sijil kelahiran. Jumlah itu tidak termasuk suku kaum lain seperti Kayan, Kenyah, Kelabit dan Iban yang masih menetap jauh di pedalaman Sarawak termasuk di Belaga, Kapit, Limbang serta Lawas.



PENDUDUK Penan dibantu pegawai JPN menurunkan cap jari pada borang permohonan mendapatkan sijil kelahiran dan MyKad di Long Kevok, Ulu Baram, Miri.

Menyedari hakikat itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) menetapkan sasaran menyelesaikan masalah penduduk tanpa dokumen pengenalan diri di Sarawak sebagai agenda utama bermula tahun depan. Isu ini tidak boleh dibiarkan berpanjangan tanpa tindakan konkrit kerana bukan saja memberi kesan kepada individu terbabit, malah mengundang masalah lain yang lebih rumit terutama berkaitan aspek keselamatan negara. Untuk memastikan misi itu tercapai, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, turun padang meninjau permasalahan itu di penempatan Penan yang terletak enam jam perjalanan menggunakan kenderaan pacuan empat roda dari Miri bagi mendapatkan maklum balas pemimpin dan rakyat mengenai isu yang sudah sekian lama tidak diselesaikan itu.

Beliau melakar sejarah apabila menjadi Menteri Dalam Negeri pertama melawat Penan di Long Kevok walaupun sebelum ini pernah menerima lawatan Datuk Seri Najib Razak (kini Perdana Menteri) sekitar 1980-an. Hishammuddin ingin melihat kesukaran kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada peringkat akar umbi ketika melaksanakan tugas, lantaran mengenal pasti strategi penambahbaikan serta keperluan mereka bagi memastikan gerak kerja lebih berkesan. KDN pada peringkat akhir menyediakan pelan tindakan bermula 1 Januari depan. Gerak kerja komprehensif dilaksanakan melalui petugas khas menangani isu penduduk tanpa pengenalan diri di Sarawak. Pasukan ini dipengerusikan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Jelaing Mersat yang menyelaras secara terus bersama kerajaan Sarawak, pejabat JPN Sarawak dan Jabatan Imigresen Sarawak berhubung setiap urusan berkaitan.

KDN menetapkan dua tahun untuk menyelesaikan isu penduduk tanpa dokumen pengenalan diri di Sarawak. Bagi kes warga negara yang tiada MyKad, tempoh sasaran ditetapkan ialah 31 Disember depan, manakala penduduk yang tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri, tempohnya sehingga 31 Disember 2011 bagi membolehkan pelbagai proses seperti pendaftaran permohonan dan semakan taraf kerakyatan dilaksanakan. Untuk menjayakan matlamat itu, Hishammuddin mahukan sokongan dan kerjasama kerajaan Sarawak khususnya pejabat residen, pejabat daerah dan daerah kecil bersama JPN. Bagi kawasan paling terpencil, KDN meminta kerjasama tuai rumah panjang untuk melaporkan setiap kelahiran berdasarkan peruntukan Seksyen 23 Ordinan Kelahiran dan Kematian Sarawak 1951. Kementerian juga memohon kerjasama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri menyelesaikan masalah itu secara proaktif.

Beliau turut meminta penduduk terbabit melapor dan membuat permohonan terus kepada pejabat cawangan JPN terdekat dengan segera. Ia termasuk membuat permohonan atas tuntutan sudah menetap lama di Sarawak. Selepas 2011, permohonan mereka yang mendakwa tinggal lama di Sarawak tidak dipertimbangkan. Namun hanya mereka yang menepati syarat dan kelayakan diberikan dokumen pengenalan diri.

Usaha yang dilakukan KDN selari dengan hasrat digariskan gagasan 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' iaitu mengutamakan keperluan rakyat untuk mendapatkan pengenalan diri bagi membolehkan mereka mendapat hak penduduk di bumi bertuah Malaysia. Antara punca penduduk tidak memohon MyKad ialah faktor geografi yang menyukarkan kakitangan JPN ke lokasi serta masalah pengangkutan serta perhubungan, kemiskinan yang menyukarkan mereka membuat permohonan dan melapor kepada JPN, sikap tidak mengambil berat untuk mendaftar awal dan masalah keluarga seperti anak luar nikah, anak angkat dan perceraian. Bagi warga asing pula ia berpunca daripada masuk secara haram dan mengaku penduduk tempatan, mengahwini rakyat tempatan tetapi tiada sijil kahwin, anak tiada taraf dan anak angkat kepada orang tempatan.

Antara pendekatan dilaksanakan KDN untuk menyelesaikan isu penduduk tanpa dokumen di Sarawak ialah memantap dan menambah Unit Khas Bergerak di setiap pejabat JPN Sarawak dan menubuhkan pejabat bergerak (W-Spot) yang memberikan perkhidmatan hampir sama seperti di pejabat JPN. Projek perintis ini akan dilaksanakan di empat kawasan di Baram tahun depan sebelum diperluaskan ke kawasan lain. Kegigihan Hishammuddin menaiki helikopter mengunjungi kawasan terpencil Long Kevok untuk menyerahkan MyKad dan sijil kelahiran kepada 85 Penan jadi pencetus semangat kepada kakitangan jabatan memikul tugas berat itu. Bukan saja mereka perlu bersabar melayan kerenah masyarakat luar bandar yang begitu kompleks, namun perlu ikhlas ketika berkhidmat. Hishammuddin mahu dua tahun lagi semua rakyat Sarawak memiliki tingki.

27 Disember 2009 (Ahad)

Laporan Khas: Air sisa pusat cuci kereta punca pencemaran, kanser

Oleh Mohd Azis Ngah azis@bharian.com.my



TINJAUAN kegiatan mencuci kereta menggunakan 'snow wash' di sekitar ibu kota berleluasa tanpa dilengkapi sistem aliran dan rawatan sisa air.

'Snow wash' mengandungi bahan kimia bahaya dialir terus ke sungai

KUALA LUMPUR: Air sisa basuhan daripada lebih 10,000 pusat cuci kenderaan yang dianggarkan beroperasi di negara ini, dikenal pasti antara punca pencemaran sumber air dan hidupan laut yang boleh menyebabkan kanser. Ia berikutan penggunaan 'snow wash' mengandungi bahan kimia Linear Alkylbenzenes (LABs) tanpa sebarang sekatan atau larangan, malah hampir 95 peratus daripada pusat cuci kenderaan langsung tidak dilengkapi sistem aliran dan rawatan sisa air, sebaliknya terus disalurkan ke longkang atau sungai. Kegiatan itu jelas melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 membabitkan sumber air di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar serta Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 membabitkan bekalan air terawat di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

Berdasarkan kajian saintifik sejak 15 tahun lalu, air sisa cuci kenderaan disahkan mengandungi bahan kimia serta logam berat yang mengalir apabila bahan berkenaan disapu pada kenderaan dan boleh menanggalkan cat, kesan minyak hitam, tar serta minyak brek. Jika pengusaha cuma menggunakan syampu kenderaan tanpa 'snow wash', kesannya tetap berbahaya kerana kedua-duanya dikategorikan bahan cuci industri berkuasa tinggi yang mempunyai lebih kuasa 'surfactants' dan mampu menyerap bahan pencemar organik, termasuk sisa minyak seperti gris dan lebihan minyak gear. Pakar Forensik Alam Sekitar, Pencemaran Marin, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Mohamad Pauzi Zakaria, berkata kurangnya kesedaran dan sikap bertanggungjawab menguruskan lebihan air menyebabkan sisa basuhan dibiarkan mengalir ke longkang, sungai dan laut.

Beliau menyifatkan kesan penggunaan bahan kimia tanpa kawalan itu kini pada tahap sangat membimbangkan, sekali gus memerlukan pihak berkuasa melakukan sesuatu dengan segera, terutama kerana hasil laut adalah antara makanan utama rakyat negara ini. "Sangat membimbangkan... kajian ke atas tisu kupang di beberapa kawasan perairan negara menemui bahan LABs, benzo (a) pyrene dan benz (g,h,i) perylene, iaitu sejenis hidrokarbon aromatik yang paling berbahaya kepada kesihatan manusia. "Ia boleh menyebabkan kemusnahan sistem endokrin dan punca kanser kerana bahan karsinogenik adalah penyebab kanser. Situasi sama berlaku kepada hidupan laut lain dimakan manusia," katanya.

Tinjauan Berita Minggu mendapati kebanyakan pusat cuci kenderaan langsung tidak dilengkapi kemudahan sistem aliran air sisa, termasuk membiarkannya mengalir ke jalan raya, malah pekerja yang kebanyakannya warga asing juga langsung tidak tahu bahan yang digunakan. Ketika ditanya jenis sabun mencuci kenderaan, pekerja terbabit memaklumkan mereka tidak tahu jenamanya, tetapi mengakui kaedah 'snow wash' memudahkan kerja kerana mengeluarkan banyak buih. Sepanjang kajian ke atas kesan sisa air basuhan kenderaan, saintis turut menemui kesan LABs yang sudah pun merebak ke Laut Cina Selatan dalam lingkungan 200 batu nautika, bahkan di Pulau Layang-Layang juga mempunyai kesan pencemarannya. Kesan sama juga berlaku sekiranya orang ramai mencuci sendiri kenderaan di rumah kerana sudah pasti sisa basuhan mengalir ke longkang berdekatan.

Mohamad Pauzi menjangkakan dalam tempoh kurang 50 tahun akan datang, masalah itu menjadi lebih serius sekiranya pihak berkuasa tidak mengambil tindakan cepat mengawal aktiviti di premis cuci kenderaan. "Di Jepun, pemilik kenderaan akan didakwa sekiranya membasuh kenderaan di rumah. Mereka cuma dibenarkan mencuci kenderaan di premis khas yang mempunyai sistem rawatan air terpakai. Itu yang sepatutnya kita lakukan, bukan membiarkan aktiviti ini tanpa kawalan," katanya. "Kebanyakan pusat cuci kenderaan mempunyai lantai bersimen, jadi sisa yang ditinggalkan langsung tidak ditapis tanah dan mengalir sepenuhnya ke longkang atau mana-mana kawasan rendah," katanya.

Bahan toksik pencuci kenderaan tak mudah larut

JIKA dianggarkan 50 peratus daripada kira-kira 10 juta pemilik kenderaan persendirian berdaftar di Malaysia mencuci kenderaan di pusat cuci sekali dalam sebulan, ia bermakna lima juta daripada mereka menyumbang kepada pencemaran air negara. Itu belum dikira kenderaan perdagangan atau motosikal yang pasti menambah jumlah penyumbang pencemaran jika mengambil kira perangkaan jumlah kenderaan di negara ini yang dianggarkan mencecah 16 juta setakat pertengahan tahun ini. Sudah pasti pemilik atau pengusaha premis cuci kenderaan, sama ada berdaftar atau beroperasi secara haram tersenyum lebar kerana dengan bayaran purata RM5 hingga RM10 setiap kenderaan dicuci, mereka boleh mengaut keuntungan lebih 50 peratus selepas ditolak kos bahan dan pekerja.

Sikap bermotifkan keuntungan semata-mata itulah yang menyumbang kepada peningkatan jumlah pesakit kanser di negara ini kerana bahan mencuci kenderaan digunakan, sebenarnya mengandungi bahan kimia berpunca daripada penggunaan 'snow wash'. 'Snow wash' atau takrifan saintifiknya 'surfactants' dan bahan pencuci yang mengandungi sisa LABs', sejenis sabun berbuih pekat disemburkan pada badan kenderaan dan digunakan hampir semua premis cuci kenderaan kerana mudah serta banyak buih berbanding sabun biasa.

Dengan purata setiap kenderaan dicuci menggunakan 20 liter air bercampur sabun, 40 peratus atau lapan liter daripada sisa air mengandungi bahan pencemar kental, bermakna jika lima juta kenderaan dicuci, ia akan menyumbang 40 juta liter sisa air tercemar sebulan. Dalam tempoh 12 bulan, ia menyumbang 480 juta liter air tercemar hasil tanpa belum mengambil kira tempoh berkembangnya perniagaan cuci kenderaan yang dipercayai aktif sejak lebih 10 tahun lalu. Dalam istilah kimia, bahan toksik itu dipanggil 'hydrophobics' dan paling ditakuti kerana kekal dalam ekosistem untuk tempoh lama serta tidak mudah larut dalam air, sebaliknya dalam bahan organik seperti lemak atau lipid manusia jika terdedah melalui pernafasan, pemakanan dan sentuhan kulit. Ia juga boleh dipindahkan dari satu organisme ke organisme lain melalui rantai makanan manusia.

Baki 60 peratus daripada air sisa itu pula bahan mudah dinyah bakteria dalam proses pereputan atau biodegradasi yang dipanggil 'hydrophilics' kerana mudah larut dalam air dan kesannya tidak begitu membimbangkan kerana tidak kekal lama dalam alam sekitar. Saintis dan Pakar Forensik Alam Sekitar, Pencemaran Marin, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Mohamad Pauzi Zakaria, berkata kajiannya ke atas kerang dan kupang mendapati tisuanya mengandungi bahan toksik berpunca daripada bahan tercemar dilepaskan daripada aktiviti cuci kenderaan. "Sisa toksik itu akan kekal lama. Jika dimasak atau direbus dengan suhu paling maksimum pun, ia tak akan musnah, sebaliknya cuma beralih tempat. Bahan itu tak boleh dinyahkan, rebusan air cuma boleh membunuh bakteria," katanya.

Bahan tercemar organik dalam hidupan laut yang dimakan manusia akan masuk ke dalam tisu badan melalui tiga cara iaitu menumpang di tempat berair, berlemak dan berdarah mengikut keserasian sehingga ia dikeluarkan semula secara perlahan-lahan sebelum masuk ke otak. Tindakan pemilik membasuh tayar kenderaan menggunakan pam air berkuasa tinggi juga menyebabkan pencemaran kerana setiap tayar kenderaan disahkan mengandungi sulfur serta bahan kimia Mobt (-2-(4-Morpholinyl)-Benzothiozole). Apabila tayar kering terkena tembakan air, Mobt semakin cepat mengalir keluar dan bercampur sisa basuhan lain, tetapi air basuhan enjin kenderaan lebih berbahaya kerana semua sisa akan bercampur dengan pelbagai jenis minyak enjin. "Pihak berkuasa yang meluluskan lesen premis cuci kenderaan perlu memainkan peranan dengan mengarahkan sistem rawatan air sistematik diwujudkan bagi mengurangkan pencemaran.

Kenapa kilang diwajibkan ada sistem rawatan sisa air, sedangkan pusat cuci kenderaan dibiarkan. "Mungkin ramai tidak sedar, jika air sisa basuhan kenderaan itu direbus dan diminum cuma setitik, mereka yang meminumnya akan disahkan menghidap kanser dalam tempoh 24 jam selepas itu," katanya.

Patuhi syarat buang sisa sebelum dapat lesen

LEMBAGA Urus Air Selangor (Luas) yang bertanggungjawab memulihara dan menjaga sumber air di Selangor menyarankan satu garis panduan digubal untuk perniagaan cuci kenderaan yang antara lain boleh mengawal pencemaran berpunca daripada aktiviti terbabit. Ia termasuk menetapkan lokasi dan waktu perniagaan sesuai serta pengurusan air buangan sebagai syarat yang harus dipatuhi sebelum lesen perniagaan dikeluarkan. Ketua Penolong Pengarah Luas, Nor Zamri Sondor, berkata selain mengeluarkan lesen, pihak bertanggungjawab juga perlu menjalankan pemantauan secara berkala bagi memastikan pengusaha premis cuci kenderaan tidak melanggar syarat ditetapkan.

"Perlu disedari kebanyakan premis cuci kenderaan beroperasi dalam skala kecil dan kebanyakannya tanpa kebenaran. Pihak yang mengeluarkan lesen perniagaan mesti lebih tegas dan sentiasa memantau perkembangan perniagaan berkenaan. "Pengusaha mesti dipastikan bertanggungjawab menjaga sumber air dan alam sekitar, termasuk mempunyai kaedah rawatan air sisa dari premis masing-masing menggunakan kaedah yang ditentukan pihak berkuasa dan kos rawatan ditanggung pemilik premis," katanya.

Bagi pencemaran sumber air, ia tertakluk di bawah bidang kuasa Jabatan Alam Sekitar melalui Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, manakala di Selangor, ia di bawah bidang kuasa Luas melalui Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999. Merujuk takrifan pencemaran sumber air mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, boleh dikatakan pengusaha premis cuci kenderaan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pencemaran yang berpunca daripada aktiviti mereka kerana tidak menyediakan sistem rawatan dan pelepasan sisa secara tidak terkawal.

Bagi Selangor, Nor Zamri berkata, pemilik pusat cuci kenderaan perlu mendapatkan kebenaran Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) untuk menggunakan air terawat dan kebenaran Luas bagi menggunakan air bawah tanah atau air permukaan seperti sungai dan kolam. "Tidak dinafikan, kebanyakan rakyat Malaysia jarang menghargai nilai semula jadi, kurangnya perasaan sayang pada alam sekitar, melanggar undang-undang, sikap tidak bertanggungjawab dan mementingkan keuntungan semata-mata. Ia memburukkan pencemaran sedia ada," katanya.

Luas yang bertindak sebagai urus setia kepada Pasukan Petugas Mengawal Pencemaran Lembangan Sungai dengan kerjasama pelbagai agensi dan jabatan teknikal lain kini giat memantau dan menangani aktiviti yang boleh mencemarkan sumber air. Selain program meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan sumber air dan penjagaannya, agensi itu menganjurkan Program Kitar Semula Sisa Minyak Masak dan Program Qua-Qua LuasU. Kesimpulannya, disebabkan selesa dengan bekalan air mencukupi dan tidak pernah terbayang air akan berkurangan atau tidak boleh digunakan akibat pencemaran kritikal, masyarakat tidak sedar pentingnya menjaga sumber air.

Pekerja terdedah risiko bahan kimia berisiko

PENGUNAAN sabun dan syampu kenderaan mengandungi bahan kimia tanpa langkah pencegahan keselamatan termasuk tanpa menggunakan sarung tangan dan topeng muka, turut mendedahkan bahaya kesihatan kepada pekerja pusat cuci kenderaan. Tinjauan Berita Minggu di beberapa premis cuci kenderaan sekitar Kuala Lumpur mendapati setiap premis mempunyai sekurang-kurangnya lima pekerja, tetapi tiada seorang pun memakai sarung tangan getah dan topeng muka. Tanpa perlindungan itu, mereka dilihat kerap mengisi semula bekas sabun atau syampu ke dalam botol kecil serta mencuci kenderaan menggunakan tangan yang kemudian langsung tidak dibersihkan. Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), SM Mohamed Idris, berkata penggunaan 'snow wash' dan syampu kenderaan bukan setakat mencemar alam sekitar, tetapi boleh mengakibatkan pelbagai penyakit lain kepada pekerjanya. "Pekerja premis ini patut menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala. Jika diperhatikan, amat ketara sikap pekerja yang memandang remeh soal kesihatan, sedangkan mereka terdedah kepada bahan kimia setiap hari. "Kami sendiri percaya bahan yang digunakan dalam 'snow wash' memang berbahaya. Jika ia boleh menanggalkan kesan cat dan minyak pada badan kenderaan, sudah tentu ia boleh memudaratkan badan manusia," katanya.

Sambil meminta majikan pusat cuci kenderaan mewajibkan pekerja mereka memakai topeng muka dan sarung tangan seperti pekerja ladang setiap kali menggunakan bahan kimia, Mohamed Idris berkata, tidak kurang 500 pusat cuci kenderaan, termasuk premis haram beroperasi di Pulau Pinang. "Kebanyakannya dibuka di kawasan perumahan kerana permintaan tinggi. Boleh dikatakan, setiap kawasan perumahan kondominium dan apartmen mesti ada sekurang-kurangnya sebuah pusat cuci kenderaan. Memang ada juga yang berlesen dan beroperasi di stesen minyak, tetapi jumlahnya rendah. "Sudah tentu mereka membiarkan air sisa mengalir ke longkang tanpa dirawat. Saya menyokong sekiranya pihak berkuasa tetapkan garis panduan bagaimana mereka boleh beroperasi tanpa menyumbang kepada pencemaran alam," katanya.

Aktivis alam sekitar, Datuk Dr Salleh Mohd Nor, menegaskan isu itu pernah dibangkitkan dalam satu konvensyen alam sekitar tetapi sehingga kini tiada peraturan khusus digubal, termasuk mewajibkan air sisa dari pusat cuci kenderaan dirawat sebelum dialirkan ke sistem saliran dalam keadaan bersih. "Jabatan Alam Sekitar (JAS) patut merangka peraturan khas. Kita ada alternatif guna pencuci berasaskan bahan organik dan mesra alam seperti produk berasaskan kelapa sawit," katanya. Beliau turut mencadangkan orang ramai lebih rajin membasuh sendiri kenderaan mereka kerana ia jelas menjimatkan air.

28 Disember 2009 (Isnin)

Syarikat penyelenggara salah guna aset tentera

Oleh Hardi Effendi Yaacob hardi@bharian.com.my

Barangan keluar masuk pangkalan udara tidak diperiksa

KUALA LUMPUR: Beberapa syarikat penyelenggara pesawat tentera didakwa mudah menggunakan sesebuah pangkalan tentera atau pangkalan udara, selain tidak perlu mempunyai permit tertentu dan membuat pengisytiharan kastam terhadap sesuatu peralatan ketenteraan yang dibawa keluar atau masuk ke negara ini. Sumber memberitahu Berita Harian, setiap komponen dan alat ganti dibawa keluar atau masuk oleh syarikat terbabit biasanya berstatus 'unrestricted clearance' kerana membabitkan peralatan ketenteraan. Mengikut prosedur, kelengkapan tentera tidak perlu diisytiharkan dan diklasifikasikan sebagai maklumat sulit. Malah, proses keluar masuk semua peralatan itu tidak akan melalui pemeriksaan ketat kerana kelebihan status 'unrestricted clearance' dimilikinya. "Lagipun, siapa yang mahu periksa jika syarikat proses keluar masuk barangan itu dibuat melalui pangkalan udara tentera. Dengan semua kemudahan itu, kemungkinan pembabitan syarikat penyelenggara dalam kehilangan enjin jet berkenaan memang ada," katanya.

Berita Harian sebelum ini membongkar kehilangan dua enjin pesawat tempur milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Pangkalan Udara Kuala Lumpur dan Skuadron Ke-12 Scorpion Butterworth, dipercayai didalangi petugas syarikat penyelenggara dengan bantuan orang dalam TUDM. Kehilangan enjin GE J85 21-A itu, masing-masing pada 26 Jun dan 1 November 2007, menarik tumpuan umum kerana kes terbongkar selepas dua tahun 'disembunyikan', malah turut dianggap penyelewengan terbesar dalam sejarah ketenteraan, selain mendedahkan pelbagai kelemahan dalam Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Sumber berkata, kemungkinan pembabitan syarikat penyelenggara itu juga disebabkan hubungan langsung mereka dengan pembekal antarabangsa, selain turut memiliki kontrak penyelenggaraan pesawat tentera negara luar. "Ia turut diambil kira dalam siasatan polis selepas diarahkan Pejabat Peguam Negara yang mendapati siasatan sebelum ini kurang lengkap. Melihat modus operandi kes yang dirancang rapi, mustahil hanya empat suspek terbabit," katanya.

Sumber berkata, memang sukar mengaitkan pembabitan 'orang dalam' syarikat penyelenggara dalam kehilangan enjin pertama dari Gudang Material Udara I (Matra I), Sungai Besi pada 26 Jun 2007. "Bagaimanapun, kes kedua di Butterworth, lima bulan kemudian merungkai kemungkinan itu kerana enjin hilang bersama kontena dan dokumen berkaitan dalam penghantarannya yang dikawal selia syarikat penyelenggara. Ia tidak sampai ke destinasi sepatutnya," katanya.

Difahamkan, sekurang-kurangnya tiga syarikat, dengan pegangan sahamnya turut membabitkan kenamaan dan bekas pegawai tinggi ATM memonopoli kontrak selenggara pesawat tentera bernilai jutaan ringgit sejak beberapa tahun lalu. Menurut sumber, syarikat terbabit dipercayai memperoleh kontrak itu secara rundingan terus mengikut kepakaran masing-masing iaitu penyelenggaraan enjin, sistem avionik, badan pesawat dan peralatan keselamatan.

28 Disember 2009 (Isnin)

Air sisa pusat cuci kereta disiasat

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim nfazlina@bharian.com.my

Kementerian pandang serius dakwaan bahan mengandungi kimia bahaya: Rosnah

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan akan menyiasat secara menyeluruh dan terperinci berhubung kandungan air sisa pusat cuci kereta yang didakwa mengandungi bahan kimia bahaya sehingga boleh mendatangkan penyakit kanser. Timbalan Menteri, Datuk Rosnah Abd Rasid Shirlin, berkata pihaknya memandang serius berhubung laporan akhbar semalam, kerana ia boleh mengancam tahap kesihatan masyarakat. "KKM melalui jabatan kimia kini sedang menyiasat dakwaan terbabit bagi mengenal pasti kandungan bahan cuci yang digunakan itu boleh mendatangkan bahaya serta kesannya kepada barah. "Satu kajian menyeluruh dan terperinci dilakukan bagi memastikan semua pusat cuci kereta menggunakan bahan yang sama kerana melalui pendedahan akhbar itu, kita tidak boleh menuduh semua pusat cuci kereta menggunakan cecair yang sama..mungkin hanya segelintir berbuat demikian.. Jangan kerana nila setitik habis susu sebelanga.. "Namun, sekiranya dakwaan yang didedahkan itu betul iaitu pusat cuci kereta menggunakan "snow wash" yang mengandungi bahan kimia berbahaya, kementerian tidak teragak-agak mengambil tindakan segera terhadap kedai berkenaan dan tidak mustahil akan diarahkan tutup kerana ia mengancam nyawa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi bagi mengulas Laporan Khas Berita Minggu, semalam yang mendedahkan air sisa basuhan daripada lebih 10,000 pusat cuci kenderaan yang dianggarkan beroperasi di negara ini, di kenal pasti antara punca pencemaran sumber air hidupan laut yang boleh menyebabkan kanser. Ia berikutan penggunaan "snow wash" mengandungi bahan kimia Linear Alkylbenzenes (LABs) tanpa sebarang sekatan atau larangan, malah hampir 95 peratus daripada pusat cuci kenderaan langsung tidak dilengkapi sistem aliran dan rawatan sistem air, sebaliknya terus disalurkan ke longkang atau sungai. Saintis dan Pakar Forensik Alam Sekitar, Pencemaran Marin, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Mohd Pauzi Zakaria dalam kenyataannya semalam mendakwa sekiranya air sisa basuhan kenderaan itu direbus dan diminum cuma setitik, mereka yang meminumnya akan disahkan menghidap kanser dalam tempoh 24 jam.

Rosnah berkata, kementerian memandang serius berhubung tahap kesihatan penduduk kerana sekiranya ia benar-benar berlaku, banyak penduduk akan terdedah kepada ancaman bahaya berkenaan. "Kajian yang dilakukan itu akan didedahkan kepada media dalam masa terdekat bagi memastikan kandungan cecair itu mengandungi bahan kimia seperti yang didakwa itu. "Dalam tempoh terdekat ini, KKM menyarankan supaya semua majikan pusat cuci kereta menitik berat soal keselamatan pekerja iaitu memakai sarung tangan dan alat pelindung muka bagi menjaga keselamatan diri," katanya.

29 Disember 2009 (Selasa)

Laporan dua enjin jet hilang diteliti Jabatan Audit Negara

KUALA LUMPUR: Satu laporan lengkap berhubung kehilangan dua enjin pesawat tempur Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), F-5E, akan dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara untuk diteliti. Laporan berserta kronologi lengkap kes itu, yang menyebabkan kerajaan kerugian RM100 juta, dikatakan sedang diperincikan oleh Kementerian Pertahanan dan dijangka siap dalam sedikit masa lagi. Difahamkan, penyediaan laporan itu sebagai susulan pengakuan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang pihaknya tidak pernah dimaklumkan mengenai kehilangan enjin berkenaan. Malah, beliau mendakwa jabatannya hanya mengetahui kes itu selepas ia mendapat liputan meluas pihak media sebelum ini. "Kecurian dan kehilangan sebarang aset milik kerajaan perlu dilaporkan kepada polis, selain dimaklumkan kepada Jabatan Audit Negara. "Perkara itu ada tercatat dalam Pekeliling Perbendaharaan. Bagaimanapun, dalam kes enjin ini, kita tidak terima apa-apa laporan dan mengetahuinya melalui media, " katanya.

Berita Harian semalam melaporkan beberapa syarikat penyelenggara pesawat tentera didakwa mudah menggunakan sesebuah pangkalan tentera atau pangkalan udara, selain tidak perlu mempunyai permit tertentu dan membuat pengisytiharan kastam terhadap sesuatu peralatan ketenteraan yang dibawa keluar atau masuk ke negara ini. Sumber memberitahu, setiap komponen dan alat ganti dibawa keluar atau masuk oleh syarikat terbabit biasanya berstatus 'unrestricted clearance' kerana membabitkan peralatan ketenteraan. Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, ketika dihubungi, mengesahkan satu laporan mengenai kes berkenaan akan dihantar ke jabatan terbabit. Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan tarikh sebenar laporan itu akan dihantar, namun memberitahu ia dilakukan secepat mungkin. Katanya, perkara itu akan dibincangkan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada mesyuarat akan datang. "Tidak tahu bila (akan hantar laporan) tapi ia akan dilakukan seberapa segera yang boleh. Saya perlu berbincang dengan PM terlebih dulu, " katanya. Bagaimanapun, beliau memberi jaminan kementeriannya akan mengemukakan laporan itu bila tiba masa yang dirasakan sesuai.

31 Disember 2009 (Khamis)

Sabah & Sarawak: Loji air diceroboh

Oleh Johary Indan bhnews@bharian.com.my



LOJI air Telibong Dua di Kampung Ulu Bakut, Kiulu berbahaya untuk kegiatan riadah

Penduduk masuk kawasan larangan tidak berpagar penuh untuk memancing

KIULU: Loji air Telibong Dua di Kampung Ulu Bakut di sini, yang bernilai RM280 juta dan mula beroperasi sejak kira-kira setahun lalu, dikesan mudah dicerobohi berikutan tidak dipagari sepenuhnya. Keadaan itu menyebabkan penduduk kampung berhampiran mudah memasuki kawasan larangan yang berkeluasan 350 hektar itu dari Kampung Tambalugu hingga Ulu Bakut untuk memancing ikan atau mandi. Tinjauan Berita Harian mendapati, pemasangan hampir 10 papan amaran di lokasi tertentu loji itu tidak memberi kesan terhadap orang ramai berhubung risiko dihadapi ketika berada di persekitaran berkenaan. Sebahagian besar mereka yang menghampiri loji air itu dikesan menggunakan 'laluhan tikus' di lereng bukit bagi mengelak pergerakan diketahui pengawal keselamatan yang bertugas di pintu masuk. Seorang penduduk Ulu Bakut, George James, 32, mendakwa penduduk tidak menghiraukan papan amaran di loji air itu dan terus keluar masuk secara haram untuk memancing ikan dan mandi.



LALUAN tikus digunakan pemancing untuk memasuki kawasan loji air Telibong Dua.

"Kita khuatir jika kedegilan penduduk menyebabkan tragedi remaja dari Ulu Bakut mati lemas ketika mandi bersama rakan di loji itu dua tahun lalu berulang," katanya membawa wakil Berita Harian melihat laluan yang digunakan penduduk untuk menyusup masuk ke kawasan larangan berkenaan. Difahamkan, loji itu membekalkan air bersih kepada beberapa daerah sekitar termasuk Kota Kinabalu yang dikendalikan 30 kakitangan Jabatan Bekalan Air (JBA) sejak beroperasi Oktober tahun lalu. Kemudahan itu berada dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kiulu yang diwakili Datuk Louis Rampas dan Parlimen Tuaran yang diwakili Datuk Wilfred Bumburing. James berkata, kejadian lemas di loji air itu sewajarnya menjadi iktibar bagi penduduk untuk menghentikan perbuatan menceroboh kawasan terbabit. Penduduk Kampung Lakang, Ewar Tunggit, 69, mengakui sering mengunjungi loji itu walaupun menyedari statusnya sebagai kawasan larangan. "Loji air Telibong dua itu digemari penduduk terutama kaki pancing kerana kaya dengan spesies ikan air tawar," katanya.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan penduduk mengetepikan soal keselamatan dan sanggup menceroboh. Dalam perkembangan berkaitan, JBA menegaskan tidak boleh memberi kebenaran kepada orang ramai mengunjungi loji air Telibong Dua itu kerana menyifatkannya sebagai kawasan berbahaya. Pegawai JBA Tuaran, Janih Bangud, berkata orang ramai boleh melawat loji dari Kampung Tambalugu hingga Ulu Bakut itu dengan memohon kebenaran secara rasmi dan diiringi kakitangan jabatan. Beliau mengakui loji berkenaan mendapat perhatian dan kerap menjadi sasaran penduduk kampung berhampiran memancing ikan secara haram sejak setahun lalu. "Kita sudah memasang papan amaran larangan di lokasi strategik loji itu, namun tidak dipatuhi orang ramai. "JBA tidak mahu bertanggungjawab ke atas kejadian tidak diingini dan perlu diingat kawasan loji ini luas, sekali gus sukar dipantau secara menyeluruh," katanya.

Janih berkata, JBA ada melepaskan 200,000 anak ikan ke dalam loji itu sebagai usaha menjadikan kemudahan berkenaan sebagai tempat pembiakan, selain menyalurkan bekalan air bersih kepada penduduk. Katanya, JBA juga akan menyusun program bagi membolehkan ikan di loji air itu ditangkap mengikut sistem bombon yang hanya boleh dilakukan dalam tempoh tertentu.